

03 SEP 2001

Mahathir-Senator

JANGAN AMBIL MUDAH KEAMANAN DAN KEMAKMURAN SEKARANG, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat Malaysia supaya jangan ambil mudah keamanan dan kemakmuran yang dinikmati sekarang.

"Kita harus sedat tentang ancaman ini tetapi setakat ini pentadbiran negara berjalan dengan baik apabila tanggungjawab badan perundangan, kehakiman dan eksekutif berjalan lancar bagi mewujudkan keamanan dan kemakmuran," kata beliau pada majlis jamuan anjuran Kelab Senator Malaysia di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia bernasib baik kerana majoriti penduduknya inginkan kehidupan yang aman dan mengecam ekstremism.

"Tetapi kita harus ingat bahawa keadaan ini boleh musnah cuma kerana sesetengah pihak bosan dan mahukan satu bentuk perubahan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sesetengah pihak di negara ini mahu supaya sekumpulan orang membuat semua keputusan dalam pentadbiran negara dengan mengeneipkan ketiga-tiga cabang kuasa itu.

"Keadaan seperti ini juga boleh berlaku apabila sekumpulan orang mengambil alih pentadbiran negara dengan menegepikan Parlimen, badan kehakiman dan badan eksekutif," kata beliau.

Perdana Menteri memberitahu para senator supaya lebih mengetahui masalah yang dihadapi oleh negara untuk membangunkan negara maju bagi masa depan.

"Dalam bidang pendidikan, kita memerlukan sukarelawan untuk memberi penjelasan kepada rakyat tentang pentingnya menimba ilmu dan di sinilah para senator boleh memainkan peranan mereka," kata beliau.

Dr mahathir juga berkata Dewan Negara dibentuk untuk memberi suara kepada golongan minoriti dan mereka yang tidak berpeluang dipilih menjadi anggota Dewan Rakyat.

"Kita tidak menyatakan kita tidak boleh menerima kritikan daripada Dewan Negara tetapi biarlah kritikan itu bersifat membina kerana ini akan membantu ke arah membangunkan negara," kata beliau.

-- BERNAMA

SR AFY FAZ